



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
BIL. 3 TAHUN 2024**

Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**KELAYAKAN PERABOT  
DI RUMAH KHAS JAWATAN DAN RUMAH KHAS JABATAN  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

## KANDUNGAN

### **PK 3/2024 Kelayakan Perabot Di Rumah Khas Jawatan Dan Rumah Khas Jabatan Negeri Perak Darul Ridzuan**

<b>1. Tujuan.....</b>	<b>3</b>
<b>2. Latarbelakang.....</b>	<b>3</b>
<b>3. Kelayakan Perabot Beserta Kadar Harga Maksimum Mengikut Kelas Rumah.....</b>	<b>3</b>
<b>4. Penutup.....</b>	<b>4</b>
<b>5. Tarikh Kuat Kuasa.....</b>	<b>4</b>
<b>6. Lampiran A .....</b>	<b>i</b>

## **KELAYAKAN PERABOT DI RUMAH KHAS JAWATAN DAN RUMAH KHAS JABATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menjelas dan menetapkan kelayakan serta siling harga perabot yang boleh disediakan di Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan Negeri Perak Darul Ridzuan.

### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan) yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 1974 merupakan dokumen rujukan utama bagi penetapan kelas dan kelayakan perabot di rumah kerajaan. Seiring dengan perkembangan semasa, penjelasan dan penetapan perabot yang lebih sesuai beserta siling harga perabot mengikut Kelas Rumah perlu disediakan untuk penyeragaman.

### **3. Kelayakan Perabot Beserta Kadar Harga Maksimum Mengikut Kelas Rumah**

- 3.1 Kelayakan Perabot Beserta Kadar Harga Maksimum Mengikut Kelas Rumah seperti di **Lampiran A**.

## 4. Penutup

- 4.1 Pegawai Pengawal wajib memastikan semua aset yang dibeli untuk semua Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan didaftarkan di dalam **KEW.PA-3** dan **KEW.PA-4** dalam **tempoh dua minggu** dari tarikh pengesahan penerimaan melalui **Modul Aset Sistem iSPEKS**. Butiran di **KEW.PA-3** dan **KEW.PA-4** hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat sebelum ditandatangani.
- 4.2 Perolehan boleh dibuat **berdasarkan kelulusan perolehan aset one-off tahunan jabatan** yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri.
- 4.3 Pegawai yang telah disediakan Rumah Khas Jawatan atau Rumah Khas Jabatan **wajib** menduduki kediaman tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pegawai tidak layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)/ Bayaran Perumahan Khas (BPK). Penetapan ini selaras dengan Perintah Am Bab E.
- 4.4 Pegawai yang gagal untuk mematuhi arahan pekeliling ini boleh dikenakan surcaj di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957.
- 4.4 Pematuhan kepada pekeliling ini akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan tahunan kepada semua jabatan / agensi.

## 5. Tarikh Kuat Kuasa

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2024**.
- 5.2 Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 3/2020 adalah **terbatal**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD ZAKI BIN MAHYUDIN)**

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 04 Januari 2024

**Salinan kepada:**

1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
2. Bendahari Negeri Perak  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.
3. Pegawai Teknologi Maklumat  
Pejabat Kewangan Negeri Perak.

Pekeliling ini boleh di muat turun melalui  
<http://kewangan.perak.gov.my>

LAMPIRAN A

Bil.	Gred Jawatan Perabot	Gred Utama B dan Ke Atas	Gred Utama C	Orang Besar Jajahan / Gred 53 dan 54
		Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)
1.	Kelas rumah	A	B / C	C / B
<b>Kelayakan Perabot dan lain-lain kelengkapan</b>				
1.	Set meja makan 8 kerusi	7,000.00	5,000.00	3,500.00
2.	Kabinet TV	2,500.00	2,000.00	1,500.00
3.	Televisyen	4,000.00	3,500.00	3,000.00
4.	Set Settee 3+2+1	10,000.00	4,500.00	4,000.00
5.	Coffee table	2,000.00	2,000.00	1,000.00
6.	Set katil kelamin dan tilam (kadar untuk 1 (satu) bilik termasuk meja solek dan meja tepi katil dan almari (bilik utama)	13,500.00	10,000.00	8,000.00
7.	Set katil kelamin dan tilam (kadar untuk 1 (satu) bilik termasuk meja solek dan meja tepi katil dan almari (selain bilik utama)	10,000.00	8,000.00	5,000.00
8.	<i>Built- in cabinet</i>	6,000.00	5,500.00	5,000.00
9.	Peti ais	3,500.00	3,000.00	2,500.00
10.	Set pinggan mangkuk	3,000.00	2,000.00	2,000.00
11.	Dapur & hood	5,000.00	4,000.00	2,000.00
12.	<i>Microwave</i>	2,000.00	1,500.00	-
13.	Langsir	20,000.00	18,000.00	16,000.00
14.	Permaidani	15,000.00	12,000.00	10,000.00
15.	Mesin Basuh	3,500.00	3,000.00	2,500.00
16.	Meja tulis dan kerusi	2,500.00	2,000.00	1,500.00